

Bersenggang mata rebut ijazah 'Kelas Pertama' demi ibu bapa

SEWAKTU mengikuti kursus Diploma Perniagaan di Politeknik Temasek, Cik Nur Razana Mohamed Razali menyifatkan dirinya sebagai pelajar sederhana yang tidak begitu menitikberatkan kecemerlangan dalam pelajaran.

Namun, sejourus meniti tangga menara gading dan mengambil kursus ijazah Sarjana Muda Sains dalam Perakaunan dan Kewangan di Institut Pengurusan Singapura-Universiti London (SIM-UOL), matlamat hidupnya berubah.

Cik Nur Razana, 23 tahun, ingin membanggakan ibu bapanya dengan kelulusan cemerlang memandangkan peringkat universiti adalah landasan pengajian terakhir buatnya.

Di sebalik kesibukannya menerajui jawatan kepimpinan dan terlibat dalam kegiatan sukan luncur angin serta pelbagai aktiviti Persatuan Budaya dan Muslim di SIM, anak sulung tiga beradik itu membangun pelan belajar lebih tersusun dan mengurus masanya dengan lebih berkesan.

Setiap sesi kuliah termasuk yang dikendalikan penyarah dari United Kingdom disertainya dengan harapan beliau tidak akan ketinggalan apa jua panduan yang diberi.

Contoh kertas peperiksaan bagi kursus itu bagi tahun-tahun sudah juga diteliti malah dijadikan sandaran latihan.

Di akhir pengajian kursus tersebut, Cik Nur Razana berjaya mencapai impian menggenggam ijazah kepujian Kelas Pertama di majlis konvokesyen SIM-UOL, yang dijadualkan berlangsung tengah hari ini.

Lebih melegakan buat lulusan baru sepertinya, tugas juruaudit bersekutu di firma penasihat perakaunan dan perniagaan ketujuh terbesar di Singapura, Baker Tilly TFW LLP, sudah pun digalas sejak lapan bulan lalu.

Gadis kecil molek ini bahkan menerima peluang pekerjaan tersebut semasa beliau masih lagi dalam pengajian di SIM-UOL.

Beliau bersyukur dalam tugasannya sejauh ini, beliau diberi kesempatan mengenali keperluan perakaunan klien yang terdiri daripada sektor amal dan pendidikan.

Cik Nur Razana akur perlu bekerja keras malah sehingga lewat malam atau hujung minggu bagi memastikan tiada kerja yang tertunggak.

Antara yang dilakukannya termasuk menyemak dokumen serta kenyataan bank bagi memastikannya tidak palsu.

Ketika ditemui *Gah!* di pejabat *Berita Harian* baru-baru ini, beliau yang gemar berurusan dengan nombor dan kunci kira-kira bak menghurai teka-teki, berkata:

"Sewaktu di universiti, saya kekal aktif dalam kegiatan sukan luncur angin bahkan pernah mencuba sukan lask muay thai.

"Menganjur kem orientasi, majlis iftar dan sambutan Hari Raya juga sudah menjadi sebahagian daripada amanah saya.

"Dengan kesibukan tersebutlah, saya mula merasakan kepentingan agar tidak leka dalam pelajaran dan bijak mengurus masa. Saya pastikan kerja saya juga konsisten dan tiada masa bagi saya berkhayal atau menunda tugas sekolah.

"Itulah antara faktor kejayaan kerana saya tidak mahu menutup tirai pengajian dengan mengecewakan ibu bapa

saya."

Beberapa teman pernah bertanya kepada Cik Nur Razana mengapa beliau bersungguh-sungguh ingin mendapatkan kepujian Kelas Pertama di universiti, sesuatu yang mereka rasa tidak harus membebaninya.

Namun, anak muda ini menambah, matlamat yang ditetapkan itu adalah bagi memenuhi hasrat di hatinya yang ingin mencapai sesuatu yang cemerlang dalam kehidupan serta boleh dijadikan sandaran meniti tangga korporat.

Berbeza dengan sikap sesetengah belia milenia yang dipanggil generasi strawberi yang inginkan jalan pintas mencapai kejayaan, Cik Nur Razana pula jenis yang ingin mengumpul seberapa banyak ilmu, sudi menerima bimbingan pekerja senior dan pentingkan kerja keras.

"Saya kini tidak banyak masa peribadi untuk aktif bersukan seperti dahulu malah pernah bersenggang mata menyiapkan kerja pejabat di rumah hingga 4 pagi.

"Bagi saya, tidak semua generasi milenia ini mahukan jalan mudah untuk mencapai kejayaan.

"Walaupun saya memiliki ijazah kepujian Kelas Pertama, masih banyak tentang dunia pekerjaan yang saya tidak tahu. Ia alam berbeza. Apa yang saya pelajari adalah perlunya menghormati rakan kerja lebih matang yang mempunyai banyak pengalaman dalam bidang perakaunan.

"Saya yakin dengan sikap bersusah-susah dahulu, bersenang-senang kemudian kerana ia merupakan pelaburan berbaloi bagi masa depan. Antara cita-cita saya adalah mempertingkatkan kemahiran kerja bagi menerajui jawatan pengarah perakaunan suatu hari nanti," kongsinya.

SEMANGAT JAYA BERKOBAR-KOBAR:

Selepas tamat pengajian dengan ijazah kepujian Kelas Pertama daripada SIM-UOL, Cik Nur Razana Mohamed Razali (*kiri*) dan Cik Nur Sabrina Zainuren, ingin terus gigih membangun pengalaman kerja dalam sektor perakaunan dan kewangan. - Foto BH oleh HARYANI ISMAIL

